

Tahun 6 Wang Penyelesaian Masalah.

1. Harga kos sebatang aiskrim ialah 60 sen dan untung yang ingin diperoleh ialah 30 sen. Kira hasil jualan bagi 50 batang aiskrim itu.

RM \_\_\_\_\_

2. Siti menjual sebuah rumah berharga RM420 000 dan memperoleh keuntungan sebanyak 5%. Berapakah harga kos rumah itu?

RM \_\_\_\_\_

3. Rajah menunjukkan bil daripada pembelian Ahmad di sebuah kedai.

| Bil | Kuantiti (unit) | Butiran        | Harga seunit (RM) | Jumlah |
|-----|-----------------|----------------|-------------------|--------|
| 1   | 20              | Kasut sukan    | RM80              |        |
| 2   | 30              | Set baju sukan | RM120             |        |

Hitung jumlah bayaran yang perlu dibayar oleh Ahmad jika kedai tersebut memberikan diskaun 10%.

RM \_\_\_\_\_

4. Salman menambah nilai kad prabayar sebanyak RM50. Cukai perkhidmatan yang dikenakan ialah 6%. Berapakah jumlah bayaran kad prabayarnya itu?

RM \_\_\_\_\_

5. Sebuah pengusaha kilang membuat pinjaman RM1 juta daripada bank untuk meluaskan perniagaannya. Faedah yang dikenakan ialah 8% setahun. Hitung jumlah bayaran yang perlu dijelaskan dalam tempoh 2 tahun.

RM \_\_\_\_\_

6. Rajah menunjukkan harga 2 jenis barang.



RM2 400



RM1 680

Setiap barang elektrik di atas diberi diskaun sebanyak 10%. Ahmad membeli 2 buah tablet dan sebuah televisyen. Berapakah Ahmad perlu bayar?

RM \_\_\_\_\_

7. Rajah menunjukkan harga bagi sebuah periuk dan teko.



RM120



RM60

Ali membeli tiga buah periuk dan sebiji teko. Dengan setiap pembelian bernilai RM100, rebat sebanyak RM10 diberikan. Berapakah yang perlu Ali bayar?

RM \_\_\_\_\_